

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (HPP) ini memberi anda maklumat penting mengenai Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i).



MAYBANK ISLAMIC BERHAD

01/01/2026

Pelanggan lain telah membaca HPP ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Apa itu Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i)?

Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) adalah produk akaun emas patuh Syariah yang memberi kemudahan kepada anda untuk membeli dan melabur dalam emas dengan ketulenan 999.9 tanpa perlu menyimpan emas. Ciri-ciri produk MIGA-i adalah seperti berikut:

- **Buka dan tutup akaun, beli, jual dan pindah emas:** Dalam talian (Maybank2u/MAE) atau di kaunter. Anda dapat menikmati harga terkini mengikut pasaran untuk membeli dan menjual emas.
- **Menebus emas dalam akaun dengan emas fizikal:** Pilihan untuk menebus baki emas di dalam MIGA-i anda dengan emas fizikal; denominasi dari 1 gram hingga 1,000 gram.
- **Jual kembali bar emas fizikal kepada Bank:** Hanya sah untuk bar emas fizikal yang telah ditebus dari Bank.
- **Transaksi pesanan masa depan secara talian:** Beli dan jual emas pada harga yang ditentukan oleh anda secara automatik.

Nota: MIGA-i tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Syariah Konsep yang digunakan:

- **Musawamah:** Transaksi di mana pembayaran dan penghantaran emas mestilah serta-merta antara Bank dan anda.
- **Wa'ad:** Mendebit akaun semasa atau simpanan anda berjumlah harga jualan Bank untuk pembelian emas. Selepas itu, akaun emas anda akan dikreditkan pada harga belian emas.
- **Ujrah:** Yuran yang dikenakan oleh Bank untuk penebusan emas fizikal, penghantaran emas fizikal, pembelian, penjualan dan pemindahan emas melalui kaunter, dan sebagai ejen untuk mencari penyedia perkhidmatan bilik kebal keselamatan untuk menyimpan emas anda.
- **Wakalah:** Perlantikan Bank sebagai ejen untuk mencari penyedia perkhidmatan bilik kebal keselamatan pihak ketiga untuk menyimpan bar emas fizikal anda dan perlantikan Bank untuk melaksanakan transaksi pesanan masa hadapan anda.

Ketahui Kewajipan Anda

1. Apakah yuran dan caj yang dikenakan pada akaun saya?

Yuran & Caj	Jumlah
Caj Penebusan Emas: Untuk menebus emas di dalam MIGA-i anda dengan emas fizikal.	Rujuk Nota kepada PDS untuk butiran

Yuran & Caj	Jumlah
Caj Perkhidmatan Penghantaran: Untuk penghantaran emas fizikal dengan minimum 1 gram dan maksimum of 100 gram.	Rujuk Nota kepada PDS untuk butiran
Caj Perkhidmatan Penghantaran Khas: Untuk penghantaran emas fizikal dengan minimum 500 gram dan maksimum 3,000 gram.	Rujuk Nota kepada PDS untuk butiran
Caj Perkhidmatan: Caj perkhidmatan akan dikenakan untuk setiap transaksi Beli, Jual & Pindahan MIGA-i yang anda lakukan di kaunter. (Nota: Caj Perkhidmatan akan dikecualikan untuk warga emas (60 tahun ke atas), pelanggan kurang upaya, pelanggan tanpa akses kepada perbankan internet atau pelanggan yang buta komputer. Pengecualian akan diberikan mengikut budi bicara Bank).	RM5 setiap transaksi
Cukai Jualan & Perkhidmatan: Caj Perkhidmatan RM5 (setiap transaksi) ke atas pelanggan yang menjalankan Beli, Jual & Pindahan MIGA-i di kaunter adalah tertakluk kepada Cukai Jualan & Perkhidmatan.	8%
Yuran Ejen: Untuk pelantikan Bank sebagai ejen, Bank akan mengenakan yuran ejen sehingga 0.5% setahun. Yuran ejen boleh diketepikan mengikut budi bicara Bank. Pada masa ini, Bank menyetepikan yuran ejen sehingga notis selanjutnya.	0.5% setahun berdasarkan nilai purata baki emas dalam MIGA-i anda

2. Apakah kewajiban lain yang perlu saya ambil perhatian?
Sila maklumkan kepada kami dengan segera sebarang perubahan pada butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Ketahui Risiko Anda

- **Risiko Pasaran:** Keadaan pasaran, sentimen pelabur, kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang, kadar inflasi, perniagaan dan ekonomi, politik, kewangan, sosial, alam sekitar.
- **Risiko Pasaran:** Harga emas MIGA-i bergantung kepada pergerakan pasaran emas yang tidak menentu yang boleh memberi kesan negatif kepada kepentingan dan pulangan MIGA-i anda.
- **Risiko Pulangan/Pelaburan:** Pulangan emas adalah dari kenaikan atas pembelian awal dan bergantung kepada keadaan pasaran emas dunia dan tempatan yang tidak menentu.

Peringatan: Anda harus memahami dan mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan.

Istilah Penting Lain

1. Kelayakan untuk membuka MIGA-i: **Individu** (18 tahun ke atas, Akaun Amanah (akaun bersama penjaga bagi mereka yang berumur di bawah 18 tahun), Akaun Bersama (sehingga 4 orang)) dan **Pemilik Tunggal**.
2. Anda mesti mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Maybank/Maybank Islamic sebelum boleh membuka MIGA-i.
3. Deposit Permulaan: Individu - Minimum of RM10 (seterusnya: RM10); Pemilik Tunggal - Minimum of RM50 (seterusnya: RM10).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i), anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300-88-6688



Lawat kami di:

https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/wealth/gold_silver/maybank-islamic-gold-account-i-bm.page?



Emel kami di:

mgcc@maybank.com.my

PENGAKUAN PELANGGAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami kandungan Helaian Pendedahan Produk (HPP) ini

Tandatangan:

Nama: